

**PELANGI PARASIT**  
Parasitic Jaeger

FAMILI: Pittidae  
NAMA SAINTIFIK: *Stercorarius parasiticus*

#### **CIRI-CIRI**

Bagi burung dewasa di luar musim membiak, ia hampir sama dengan *S.pomarinus* tetapi bersaiz lebih kecil dan kurus dengan paruh yang kecil dan gelap, tompokan putih kecil di bahagian depan atas kepala manakala bahagian scapular dan sayap berwarna coklat kekelabuan. Bahagian tepi leher berwarna kuning lusuh dengan bahagian bawah badan berwarna putih dan jalur-jalur kelabu pudar merentasi bahagian dadanya manakala bawah tongkeng berwarna kelabu. Semasa terbang, sayap berbentuk lebih kurus dan hujungnyanya yang sempit. Bagi burung dewasa di luar musim membiak, warna di bahagian atas kepala agak tidak kelihatan, mempunyai tanda-tanda kehitaman di bahagian bawah badan, termasuk bintik-bintik kehitaman di bahagian dada.

#### **SAIZ**

Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 42-54.5 sm.

#### **MAKANAN**

Diet bagi spesies ini terdiri daripada ikan-ikan kecil.

#### **HABITAT**

Spesies ini boleh ditemui di kawasan lautan dan persisiran pantai.

#### **PEMBIAKAN**

Spesies ini membiak dari bulan Mei-Jun pada setiap tahun. Sarang adalah dibina di atas tanah dan burung betina boleh menghasilkan sehingga dua biji telur pada setiap kali ianya bertelur.